

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

TARIKH : 3 JULAI 2019 (RABU)

SOALAN NO. 117

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah pihak Kementerian bagi memastikan kesemua syarikat telekomunikasi menyediakan perkhidmatan jalur lebar 4G setelah menara komunikasi didirikan bagi sesuatu kawasan terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak secara mandatori bagi memberi jaminan hak asasi rakyat mendapatkan perkhidmatan telekomunikasi.

JAWAPAN

Tuan di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang komprehensif merangkumi penyediaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang dapat memberi perkhidmatan komunikasi yang lebih menyeluruh, stabil dan berkualiti di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

2. Di bawah inisiatif Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang merangkumi pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih. Sehingga kini, sebanyak 1,788 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi di kawasan luar bandar di seluruh negara dan terdapat

247 menara komunikasi baharu masih di peringkat pelaksanaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 415 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi di negeri Sarawak dan terdapat 54 menara lagi masih di peringkat pelaksanaan.

3. Melalui inisiatif ini juga, pihak Kerajaan telah menaiktaraf sebanyak 5,532 lokasi menara kepada perkhidmatan 3G dan 4G, ini termasuklah 1,149 lokasi bagi negeri Sarawak. Manakala sebanyak 172 lokasi menara masih lagi dalam peringkat penaiktarafan termasuklah 6 lokasi di negeri Sarawak.

4. Selain itu, di bawah inisiatif Peluasan Jalur Lebar Talian Tetap yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir dan luar bandar; lebih dari 604 ribu sambungan telah tersedia yang melibatkan penaiktarafan 572 ibusawat di seluruh negara, manakala baki 70 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2019. Ini termasuklah lebih 26 ribu sambungan telah siap di negeri Sarawak dan baki 10 ribu sambungan dalam peringkat pelaksanaan.

5. Antara inisiatif lain untuk menyokong pemberi perkhidmatan untuk menyediakan perkhidmatan 4G adalah projek rangkaian teras jalur fiber. Untuk negeri Sarawak, sepanjang 1,237 km fiber telah siap beroperasi dan digunakan untuk penyediaan perkhidmatan 4G.

6. Untuk memastikan liputan jalur lebar dapat disediakan kepada hampir semua penduduk, satu inisiatif di bawah Pelan Gantian Optik dan Kesalinghubungan Negara (atau National Fiberisation and Connectivity Plan, ("NFCP")) mensasarkan 98% kawasan berpenduduk di Malaysia akan mendapat kelajuan purata 30Mbps menjelang tahun 2023 dengan menggunakan teknologi yang bersesuaian di seluruh negara.